

# ADE asah bakat muda dalam MRO

**PETALING JAYA** – Asia Digital Engineering (ADE) menyusun pelan perancangan untuk menubuhkan sekolah kejuruteraan dan juga sedang berbincang dengan beberapa sekolah kejuruteraan berprestij yang berpotensi untuk bekerjasama bagi melahirkan lebih ramai bakat muda dalam bidang penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih (MRO).

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Mahesh Kumar berkata, inisiatif ini bertujuan mempertingkatkan set kemahiran bakal jurutera dan mengukuhkan lagi kedudukan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan kejuruteraan.

Bagi merealisasikan misi tersebut, syarikat telah memeterai Surat Hasrat (LOD) dengan Institut Teknologi Penerbangan Malaysia Universiti Kuala Lumpur (UiTKL MIAT) untuk memubuhkan Pusat Kecemerlangan Metaverse bagi Penerbangan dan Aeroangkasa (MC4A).

"Kerjasama ini akan menyediakan generasi profesional akan datang berdepan cabaran industri masa depan melalui pengalaman



**STEVEN SIM** (kanan) membantu kakitangan ADE membaiki mesin bersempena lawatan beliau di Kompleks Kejuruteraan di RedChainn, Sepang baru-baru ini.

pembelajaran transformatif," katanya.

Beliau berkata demikian

dalam kenyataan bersempena kunjungan Timbalan Menteri Kewangan II, Steven Sim Chee

Keong di Kompleks Kejuruteraan di RedChainn di Sepang baru-baru ini.

ADE adalah cabang kejuruteraan dan baik pulih dalam kumpulan Capital A yang memiliki pengalaman meluas dalam MRO.

Kepakaran ADE bukan sahaja diiktiraf di Malaysia, malah telah mendapat kelulusan daripada 145 negara termasuk Thailand, Filipina, Indonesia, Kemboja, Singapura dan Nepal.

Memanfaatkan penempatan strategik hab AirAsia di Kuala Lumpur, Bangkok, Jakarta, Manila dan tidak lama lagi di Phnom Penh, ADE berfungsi sebagai rakan kongsi MRO untuk syarikat penerbangan di rantau ASEAN dan seterusnya.

Pencapaian terbaharu ADE kini adalah ia berjaya memperoleh pelaburan sebanyak AS\$100 juta (RM453 juta) daripada OCP Asia Ltd. yang akan digunakan untuk pembinaan dan pengoperasian kemudahan hangar penyelenggaraan pesawat terancang baharu di KLIA Aeropolis.

Projek yang melibatkan pembinaan hangar dengan 14 baris penyelenggaraan itu dijangka siap menjelang pertengahan 2024.

## Hub Logistik tarik pelaburan RM2b

**SHAH ALAM** – Projek Hub Logistik Antarabangsa Shah Alam di Seksyen 16 di sini dijangka membawa pelaburan mencecah hampir RM2 bilion.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, projek melibatkan keluasan seuas 28.73 hektar itu yang dijangka siap sepenuhnya pada 2028 itu bakal menawarkan peluang pekerjaan kepada 5,000 penduduk.

Menurut beliau, kebenaran merancang dan pelan kerja tanah hub tersebut telah diluluskan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) pada bulan lalu.

"Kelulusan bagi pelan bangunan lengkap itu berkemungkinan akan diperolehi dalam tempoh sebulan lagi sebelum kerja pembinaan dilaksanakan dalam kadar segera," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas majlis pecah

tanah hub tersebut di sini semalam.

Selain itu, Amirudin berkeyakinan terhadap situasi kesaksamaan Kerajaan Persekutuan dan Negeri boleh membantu meningkatkan Nilai Pembangunan Kasar (GDV) projek di Selangor.

"Pada tahun 2021, peningkatan sekitar 0.5 peratus, manakala 2022 naik 0.7 peratus, harap dalam beberapa tahun akan melebihi GDV 2022," ujarnya.



**TENGGU FAROK HUSSIN** (tiga dari kiri) pada majlis pecah tanah projek pembinaan Pusat Perubatan KMI di Chukai semalam.

## TDM labur RM70j bina hospital baharu

**KEMAMAN** – Kumpulan Medic Iman Sdn. Bhd. (KMI) cabang penjagaan kesihatan di bawah Kumpulan TDM Berhad (TDM), telah melabur sehingga RM70 juta untuk membangunkan hospital keenamnya di daerah ini.

Pengerusi TDM, Tengku Datuk Seri Farok Hussin Tengku Abdul Jalil berkata, Pusat Perubatan KMI Chukai di Kampung Jaya di sini yang lengkap dengan pelbagai fasiliti perubatan moden dengan menempatkan 50 katil pesakit itu dijangka siap menjelang tahun 2028.

"Pembukaan Pusat Perubatan KMI Chukai sebagai hospital swasta pertama di daerah ini bertujuan memenuhi keperluan penduduk selatan Terengganu," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis pecah tanah Pusat Perubatan KMI Chukai di sini semalam.

Tengku Farok Hussin menjelaskan, pusat perubatan itu bakal menawarkan pelbagai perkhidmatan seperti perubatan am, obstetrik dan ginekologi, ortopedik, pediatrik, anesthesia dan radiologi.



**AMIRUDIN** (tengah) pada majlis pecah tanah projek Hub Logistik Antarabangsa Shah Alam di Seksyen 16, Shah Alam semalam.